

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the CIMB Auto Balance Conversion Programme. Be sure to also read and understand the full set of CIMB Auto Balance Conversion Programme Terms and Conditions and CIMB Bank Cardholder Terms and Conditions which can be found on our website at www.cimb.com.my. Seek clarification from your institution if you do not understand any part of this document or the general terms.

CIMB Bank Berhad

CIMB Auto Balance Conversion Programme

Date: 18 September 2024

1. What is this product about?

Subject to you being eligible, CIMB Auto Balance Conversion Programme ("Auto Balance Conversion") automatically converts eligible outstanding balances on your credit card to a term loan repayable by monthly instalments.

You will be eligible if you earn not more than RM60,000 per annum and you are a consistent revolver over the past 12 months (i.e. you have not made any full payment of your credit card bill over the past 12 months) and over the past 12 months your average repayment is not more than 10% of your outstanding balances.

The outstanding balances that are eligible for conversion are your outstanding statement balances (*excluding monies due under other any CIMB instalment*) and this amount must be at least Ringgit Malaysia One Thousand (RM1, 000).

If you are a first-time participant in the Auto Balance Conversion exercise, you have a 30-day cooling-off period to call us up to cancel it after implementation of the conversion and upon cancellation the converted amount will be reversed back into your credit card account and the usual applicable finance charges will be chargeable as if the conversion did not take place.

Once you are enrolled into and already participating in the Auto Balance Conversion, we will assess your eligibility for further automatic enrollment 12 months after we last assessed you. If upon re-assessment you are determined to be eligible we will automatically enroll you into the Auto Balance Conversion in respect of your eligible new outstanding balances.

You may however opt out from Auto Balance Conversion by informing us.

2. What do I get from this product?

You will enjoy lower interest rates once the outstanding balances on your CIMB Bank credit card are converted into affordable monthly repayment instalments.

The interest rate charged for this product is as follows:

Flat Interest Rate	7.1% p.a.
Effective Interest Rate	13.0% p.a.
Tenure	36 months

The minimum amount which may be converted under this Auto Balance Conversion is RM1, 000.

You will not be entitled to any bonus points or cash rebates for balances converted under this Auto Balance Conversion.

3. What are my obligations?

Your monthly instalment payment amount ("Conversion Monthly Payment") under the Auto Balance Conversion is calculated based on the method illustrated in the example below. Each Conversion Monthly Payment will be billed to your credit card account and you will have to make the Conversion Monthly Payment in full by the payment due date of each month.

The example illustration below shows how the principal and the interest attributable to Conversion Monthly Payment is arrived at:

Conversion Amount	RM15,000
Conversion Tenure	36 months
Conversion Charges (Flat Interest Rate)	7.1% per annum
Conversion Charges (Effective Interest Rate)	13.0% per annum
Conversion Monthly Payment	RM505.42*
Total Interest	RM3,195.00
Total Principal & Interest	RM18,195.00

Month	Outstanding Conversion Principal Amount (RM)	Conversion Monthly Payment (RM)	Monthly Interest (RM)	Monthly Principal Repayment (RM)
1	14,667.40	505.30	172.70	332.60
2	14,329.89	505.42	167.91	337.51
3	13,987.58	505.42	163.11	342.31
4	13,640.47	505.42	158.31	347.11
5	13,288.56	505.42	153.51	351.91
6	12,931.86	505.42	148.72	356.70
7	12,570.36	505.42	143.92	361.50
8	12,204.06	505.42	139.12	366.30
9	11,832.96	505.42	134.32	371.10
10	11,457.07	505.42	129.53	375.89
11	11,076.38	505.42	124.73	380.69
12	10,690.89	505.42	119.93	385.49
13	10,300.61	505.42	115.14	390.28
14	9,905.52	505.42	110.34	395.08
15	9,505.64	505.42	105.54	399.88
16	9,100.97	505.42	100.74	404.68
17	8,691.49	505.42	95.95	409.47
18	8,277.22	505.42	91.15	414.27
19	7,858.15	505.42	86.35	419.07
20	7,434.29	505.42	81.55	423.87
21	7,005.62	505.42	76.76	428.66
22	6,572.16	505.42	71.96	433.46
23	6,133.91	505.42	67.16	438.26
24	5,690.85	505.42	62.36	443.06
25	5,243.00	505.42	57.57	447.85
26	4,790.35	505.42	52.77	452.65
27	4,332.90	505.42	47.97	457.45
28	3,870.66	505.42	43.18	462.24
29	3,403.62	505.42	38.38	467.04
30	2,931.78	505.42	33.58	471.84
31	2,455.14	505.42	28.78	476.64
32	1,973.71	505.42	23.99	481.43
33	1,487.48	505.42	19.19	486.23
34	996.45	505.42	14.39	491.03
35	500.62	505.42	9.59	495.83
36	-	505.42	4.80	500.62
Total		18,195.00	3,195.00	15,000.00

**The Conversion Monthly Payment for the first month may vary due to rounding of the interest/principal amount*

The Conversion Monthly Payment amount is fixed. Any pre-payment or excess payment will not reduce the outstanding principal amount or the subsequent Conversion Monthly Payment and will only be treated by CIMB Bank as advance payment.

4. What are the fees and charges I have to pay?

We will not charge any processing fees if we implement the Auto Balance Conversion on your account. No early settlement fees will be imposed if you pay the outstanding amounts due to us before maturity.

5. What if I fail to fulfil my obligations?

Finance Charges:

CIMB Bank shall impose finance charges of 18% per annum on any unpaid monies due and remaining unpaid to CIMB Bank after its relevant due date calculated on a daily balance basis and capitalized on each payment due date. Such finance charges accrued shall be payable in full by the following payment due date stated in the credit card statement.

Late Payment Charge:

If the Conversion Monthly Payment is not repaid in full by the payment due date stated in the credit card statement of each month, a late payment charge of 1% on the outstanding balance of the Conversion Monthly Payment (subject to a minimum of RM10.00 and maximum of RM100.00) will also be charged after the due date and such late payment charge shall be payable in full on the following due date.

We may give you a grace period of four (4) calendar days to pay if the payment due date falls on a weekend or a public holiday.

Rights to Set-Off:

We may set-off any credit balance you have with us against any monies you owe us by giving you seven (7) calendar days prior notice.

Action we may take: We may take court legal action against you if you do not pay us on time. We may:-

- call you to remind you to pay the amounts outstanding;
- send you reminders by letters, short messaging service or emails; or
- have our staff and/or outsourced debt collection agencies personnel visit you at your home or place of business to remind you of your payment obligations.

We may earmark any monies you may have in any of your accounts with us and exercise our right of set-off on these monies and/or blacklist your name with any credit agency or bureau or database.

Please also note we have the right to appoint external agents to collect debts due to us and to sell your debt owing to us to a third party.

Event of Default:

If you fail to pay your Conversion Monthly Payments for 3 consecutive months, CIMB Bank shall be entitled at its absolute discretion at any time to terminate the Auto Balance Conversion made available to you, whereupon all monies comprising of the total principal of the amount converted which remains outstanding together with the applicable finance charges, accrued interest charges, late payment charges and the balance of all other monies due and owing under your credit card account will be due and payable immediately, and we will be entitled to demand for the full amount from you.

6. What if I fully settle the balance before its maturity?

There are no lock-in periods or early settlement fees for Auto Balance Conversion. You may perform an early settlement of the total outstanding amount before the expiry of the tenure of the relevant term loan, by calling our call centre and providing us with at least 30 days prior notice. For early settlement, you are required to pay CIMB Bank the total outstanding balance owing (inclusive of monthly instalments due i.e. the total principal amount, interest charges, late charges and finance charges).

7. What are the major risks?

The Conversion Monthly Payment must be paid in full on or before the payment due date stated in the credit card statement and forms part of your minimum payment due. Think about your repayment capacity when charging the credit card.

The finance charges will be imposed on any unpaid monies due and remaining unpaid under the Auto Balance Conversion by each payment due date stated in the credit card statement.

If you have problems paying for any monies due under the Auto Balance Conversion by the payment due date stated in credit card statement, contact us in advance to discuss repayment alternatives.

8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondence reach you in a timely manner.

9. Where can I get further information?

If you have any enquiries, please contact us at:

CIMB Bank Berhad

Customer Resolution Unit

Address : P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan.

Telephone : +603 6204 7788

E-mail : contactus@cimb.com

If you have difficulties in making repayments, you should contact us earliest possible to discuss repayment alternatives.

Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling, financial education and debt restructuring for individuals. You may contact AKPK at:

Address : Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Telephone : +603 2616 7766

Website : www.akpk.org.my

You may also join the “Pengurusan Wang Ringgit Anda” (POWER) Programme offered by AKPK that promotes financial discipline and prudent financial management. For further information or to register, please call AKPK at +603 2616 7766 or visit the website at www.akpk.org.my.

If you wish to complain on the products or services provided by us, you may also contact our Customer Resolution Unit.

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at :

Address : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato’ Onn, 50480 Kuala Lumpur

Telephone : 1 300 88 5465

Fax : +603 2174 1515

E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Other credit card products available:

Please refer to CIMB Bank website at www.cimb.com.my.

IMPORTANT NOTE:

- 1) **LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP REPAYMENT ON YOUR CREDIT CARD BALANCES.**
- 2) **SHOULD YOU REQUIRE FURTHER CLARIFICATION ON THIS PRODUCT DISCLOSURE SHEET, PLEASE REFER TO OUR BANK PERSONNEL.**

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Program Penukaran Baki Automatik CIMB. Pastikan anda juga membaca dan memahami set lengkap Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Penukaran Baki Automatik CIMB dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB Bank yang boleh didapati di laman web kami di www.cimb.com.my.

Dapatkan penjelasan dari institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau istilah umum.

CIMB Bank Berhad

Program Penukaran Baki Automatik CIMB

Tarikh: 18 September 2024

1. Produk ini berkaitan apa?

Jika anda layak, Program Penukaran Baki Automatik CIMB ("**Penukaran Baki Automatik**") akan secara automatik menukarkan baki tertunggak yang layak pada kad kredit anda kepada pinjaman berjangka yang boleh dibayar balik dengan ansuran bulanan.

Anda akan layak jika gaji anda tidak lebih daripada RM60,000 setahun dan anda adalah revolver konsisten ("*consistent revolver*") sepanjang 12 bulan yang lalu (iaitu anda tidak pernah membuat bayaran penuh bil kad kredit anda sepanjang 12 bulan yang lalu) dan sepanjang masa 12 bulan yang lalu pembayaran balik purata anda tidak melebihi 10% daripada baki tertunggak anda.

Baki tertunggak yang layak untuk penukaran adalah baki-baki penyata anda yang tertunggak (*tidak termasuk wang yang kena dibayar di bawah sebarang ansuran CIMB yang lain*) dan amaun ini mestilah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000).

Jika anda adalah peserta kali pertama dalam aktiviti Penukaran Baki Automatik, anda mempunyai tempoh penyejukan ("*cooling-off period*") selama 30 hari untuk menghubungi kami untuk membatalkannya selepas perlaksanaan penukaran tersebut dan apabila pembatalan dilaksanakan, amaun yang ditukarkan akan dikembalikan semula ke dalam akaun kad kredit anda dan caj kewangan yang biasa terpakai akan dikenakan seolah-olah penukaran tersebut tidak pernah dilaksanakan.

Sebaik sahaja anda didaftarkan dan telah menyertai Penukaran Baki Automatik, kami akan menilai kelayakan anda untuk pendaftaran automatik yang selanjutnya selepas 12 bulan penilaian terakhir kami terhadap anda. Sekiranya apabila dinilai semula anda ditentukan sebagai layak, kami akan mendaftarkan anda secara automatik untuk Penukaran Baki Automatik berhubung dengan baki tertunggak baru anda yang layak.

Walaubagaimanapun, anda boleh memilih untuk tidak mengambil bahagian dalam Penukaran Baki Automatik dengan memaklumkan kami.

2. Apakah faedah yang boleh saya nikmati dari produk ini?

Anda akan menikmati kadar faedah yang lebih rendah apabila baki tertunggak pada kad kredit CIMB Bank anda ditukarkan menjadi ansuran pembayaran balik bulanan yang berpatutan.

Kadar faedah yang dikenakan untuk produk ini adalah seperti berikut:

Kadar Faedah Rata	7.1% setahun
Kadar Faedah Efektif	13.0% setahun
Tempoh	36 bulan

Amaun minimum yang boleh ditukar di bawah Penukaran Baki Automatik ini adalah RM1,000.

Anda tidak akan layak untuk mendapatkan sebarang mata bonus atau rebat tunai untuk baki yang ditukarkan di bawah Penukaran Baki Automatik ini.

3. Apakah tanggungjawab saya?

Amaun bayaran ansuran bulanan anda ("Bayaran Bulanan Penukaran") di bawah Penukaran Baki Automatik dikira berdasarkan kaedah yang diilustrasikan dalam contoh di bawah. Setiap Bayaran Bulanan Penukaran akan dibilkan kepada akaun kad kredit anda dan anda perlu membuat Bayaran Bulanan Penukaran sepenuhnya sebelum tarikh matang bayaran setiap bulan.

Contoh ilustrasi di bawah menunjukkan bagaimana prinsipal dan faedah yang boleh dikaitkan dengan Bayaran Bulanan Penukaran dikira:

Amaun Penukaran	RM15,000
Tempoh Penukaran	36 bulan
Caj Penukaran (Kadar Faedah Rata)	7.1% setahun
Caj Penukaran (Kadar Faedah Efektif)	13.0% setahun
Bayaran Bulanan Penukaran	RM505.42*
Jumlah Faedah	RM3,195.00
Jumlah Prinsipal & Faedah	RM18,195.00

Bulan	Amaun Prinsipal Penukaran Tertunggak (RM)	Bayaran Bulanan Penukaran (RM)	Faedah Bulanan (RM)	Pembayaran Balik Prinsipal Bulanan (RM)
1	14,667.40	505.30	172.70	332.60
2	14,329.89	505.42	167.91	337.51
3	13,987.58	505.42	163.11	342.31
4	13,640.47	505.42	158.31	347.11
5	13,288.56	505.42	153.51	351.91
6	12,931.86	505.42	148.72	356.70
7	12,570.36	505.42	143.92	361.50
8	12,204.06	505.42	139.12	366.30
9	11,832.96	505.42	134.32	371.10
10	11,457.07	505.42	129.53	375.89
11	11,076.38	505.42	124.73	380.69
12	10,690.89	505.42	119.93	385.49
13	10,300.61	505.42	115.14	390.28
14	9,905.52	505.42	110.34	395.08
15	9,505.64	505.42	105.54	399.88
16	9,100.97	505.42	100.74	404.68
17	8,691.49	505.42	95.95	409.47
18	8,277.22	505.42	91.15	414.27
19	7,858.15	505.42	86.35	419.07
20	7,434.29	505.42	81.55	423.87
21	7,005.62	505.42	76.76	428.66
22	6,572.16	505.42	71.96	433.46
23	6,133.91	505.42	67.16	438.26
24	5,690.85	505.42	62.36	443.06
25	5,243.00	505.42	57.57	447.85
26	4,790.35	505.42	52.77	452.65
27	4,332.90	505.42	47.97	457.45
28	3,870.66	505.42	43.18	462.24
29	3,403.62	505.42	38.38	467.04
30	2,931.78	505.42	33.58	471.84
31	2,455.14	505.42	28.78	476.64
32	1,973.71	505.42	23.99	481.43
33	1,487.48	505.42	19.19	486.23
34	996.45	505.42	14.39	491.03
35	500.62	505.42	9.59	495.83
36	-	505.42	4.80	500.62
Jumlah		18,195.00	3,195.00	15,000.00

*Bayaran Bulanan Penukaran untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan penggenapan amaun faedah / prinsipal

Amaun Bayaran Bulanan Penukaran adalah tetap. Sebarang pra-bayaran atau bayaran berlebihan tidak akan mengurangkan amaun prinsipal yang tertunggak atau Bayaran Bulanan Penukaran berikutnya dan hanya akan dianggap oleh CIMB Bank sebagai pembayaran

terdahulu.

4. Apakah fi atau caj yang perlu saya bayar?

Kami tidak akan mengenakan fi pemprosesan jika kami melaksanakan Penukaran Baki Automatik pada akaun anda. Tiada fi penyelesaian awal akan dikenakan jika anda membayar amaun tertunggak yang kena dibayar kepada kami sebelum tempoh matang.

5. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal memenuhi ketetapan ini?

Caj Kewangan:

CIMB Bank akan mengenakan caj kewangan sebanyak 18% setahun ke atas apa-apa wang yang belum dibayar yang kena dibayar dan kekal tidak dibayar kepada CIMB Bank selepas tarikh matang yang berkenaan yang dikira pada dasar baki harian dan dipermodalkan pada setiap tarikh matang pembayaran. Caj kewangan sedemikian yang terakru hendaklah dibayar sepenuhnya sebelum tarikh matang pembayaran yang berikutnya yang dinyatakan dalam penyata kad kredit.

Caj Bayaran Lewat:

Sekiranya Bayaran Bulanan Penukaran tidak dibayar sepenuhnya sebelum tarikh matang sebelum pembayaran yang dinyatakan dalam penyata kad kredit setiap bulan, caj bayaran lewat sebanyak 1% ke atas baki tertunggak Bayaran Bulanan Penukaran (tertakluk kepada jumlah minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00) juga akan dikenakan selepas tarikh matang dan caj bayaran lewat sedemikian hendaklah dibayar sepenuhnya pada tarikh matang yang berikutnya.

Kami boleh memberikan kepada anda tempoh penangguhan selama empat (4) hari kalendar untuk membayar jika tarikh matang bayaran jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.

Hak Tolakan:

Kami boleh menolak sebarang baki kredit yang anda ada dengan kami dengan sebarang wang yang anda terhutang kepada kami dengan memberikan kepada anda notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar.

Tindakan yang boleh kami ambil: Kami boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda tidak membayar kami tepat pada masanya. Kami boleh:-

- menghubungi anda untuk mengingatkan anda supaya membayar jumlah tertunggak;
- menghantar peringatan kepada anda melalui surat, khidmat pesanan ringkas atau emel; atau
- menghantar kakitangan kami dan/atau kakitangan agensi pungutan hutang yang disumber luar untuk melawat anda di rumah atau tempat perniagaan anda untuk mengingatkan anda tentang tanggungjawab pembayaran anda.

Kami boleh memperuntukkan sebarang wang yang anda mungkin miliki dalam mana-mana akaun anda dengan kami dan melaksanakan hak kami untuk menolak wang tersebut dan/atau menyenaraihitamkan nama anda dengan mana-mana agensi atau biro atau pangkalan data kredit.

Sila ambil perhatian juga bahawa kami mempunyai hak untuk melantik ejen luar untuk mengutipkan hutang yang kena dibayar kepada kami dan menjual hutang anda yang terhutang kepada kami kepada pihak ketiga.

Kejadian Ingkar:

Jika anda gagal untuk membayar Bayaran Bulanan Penukaran anda selama 3 bulan berturut-turut, CIMB Bank berhak pada budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa untuk menamatkan Penukaran Baki Automatik yang disediakan kepada anda dimana semua wang yang terdiri daripada jumlah prinsipal amaun yang ditukar, yang kekal tertunggak bersama dengan caj kewangan, faedah, caj kemudahan, caj bayaran lewat yang terpakai yang terakru dan baki semua wang yang kena dibayar dan terhutang di bawah akaun kad kredit anda, perlu dibayar dengan segera, dan kami berhak untuk menuntut amaun penuh daripada anda.

6. Bagaimana jika saya menyelesaikan baki dengan sepenuhnya sebelum tarikh matang?

Tiada tempoh terkunci ("lock-in") atau fi penyelesaian awal untuk Penukaran Baki Automatik. Anda boleh melakukan penyelesaian awal jumlah amaun tertunggak sebelum tamat tempoh pinjaman berjangka yang berkenaan, dengan menghubungi pusat panggilan kami dan memberikan kami sekurang-kurangnya notis terdahulu 30 hari. Untuk penyelesaian awal, anda dikehendaki membayar CIMB Bank jumlah baki terhutang (termasuk bayaran ansuran bulanan yang kena dibayar iaitu jumlah amaun prinsipal, caj faedah/kemudahan, caj lewat dan caj kewangan).

7. Apakah risiko-risiko utama?

Bayaran Bulanan Penukaran mestilah dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang yang dinyatakan dalam penyata kad kredit dan merupakan sebahagian daripada pembayaran minimum yang perlu dibayar. Sila fikirkan tentang kapasiti pembayaran balik anda semasa mengecas kad kredit.

Caj kewangan akan dikenakan ke atas apa-apa wang yang belum dibayar, yang kena dibayar dan kekal tidak dibayar di bawah kemudahan Penukaran Baki Automatik oleh setiap tarikh matang yang dinyatakan di dalam penyata kad kredit.

Sekiranya anda mempunyai masalah dalam membayar sebarang wang yang kena dibayar di bawah Penukaran Baki Automatik sebelum tarikh matang pembayaran yang dinyatakan di dalam penyata kad kredit, hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Ia adalah mustahak anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan kepada butiran perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

CIMB Bank Berhad

Unit Resolusi Pelanggan

Alamat : Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan.

Telefon : +603 6204 7788

E-mel : contactus@cimb.com

Jika anda mengalami masalah dalam membuat bayaran balik, anda harus menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

Sebagai alternatif, anda boleh dapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma ke atas pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Telefon : +603 2616 7766

Laman web : www.akpk.org.my

Anda juga boleh menyertai Program “Pengurusan Wang Ringgit Anda” (POWER) yang ditawarkan oleh AKPK yang menggalakkan disiplin kewangan dan pengurusan kewangan berhemah. Untuk maklumat lanjut atau mendaftar, sila hubungi AKPK di +603 2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my.

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda juga boleh hubungi Unit Resolusi Pelanggan kami.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato’ Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1 300 88 5465

Faks : +603 2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Produk kad kredit lain yang ada:

Sila rujuk kepada laman web CIMB Bank di www.cimb.com.my.

NOTA PENTING:

- 1) **TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN BALIK KE ATAS BAKI KAD KREDIT ANDA.**
- 2) **SEKIRANYA ANDA PERLUKAN PENJELASAN LANJUT TERHADAP LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI, SILA RUJUK KEPADA KAKITANGAN BANK KAMI.**